TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN PASAR RAYA
RISSMART GROCER

TARIKH/MASA:

19 APRIL 2026 (AHAD)
11.00 PAGI

TEMPAT:

PERKARANGAN KWASA DAMANSARA,
SHAH ALAM, SELANGOR

Terima Kasih Saudara / Saudari Pengerusi Majlis,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Dunia hari ini semakin tidak menentu. Konflik geopolitik yang berpanjangan, gangguan rantaian bekalan, serta turun naik harga komoditi sedang memberi tekanan kepada ekonomi global termasuk sektor makanan dan peruncitan yang menyentuh kehidupan harian rakyat.

2. Malaysia juga tidak terkecuali. Kesan ini bukan sekadar pada angka, tetapi dirasai oleh rakyat khususnya komuniti luar bandar dan para pekebun kecil.

3. Sebab itu, dalam suasana yang semakin mencabar ini, kita bukan sahaja perlu memastikan ekonomi negara terus kukuh, tetapi kita mesti bergerak bersama. *We must work hand in hand* untuk memastikan 8.1 juta warga desa mampu mendepani cabaran ini dengan lebih yakin dan lebih terjamin.

4. Kerana pada akhirnya saya percaya, desa bukan sekadar sebuah penempatan. Desa adalah penampan dan asas kepada kekuatan ekonomi, sosial serta keterjaminan negara.

MEMACU EKOSISTEM EKONOMI PEKEBUN KECIL

Hadirin sekalian,

5. Di KKDW, kita melihat desa bukan sebagai pinggiran pembangunan, tetapi sebagai medan strategik untuk membina kekuatan negara dari bawah. Sebab itu, pembangunan desa tidak boleh lagi dilihat secara terpisah atau tertumpu kepada satu dimensi sahaja.

6. Ekonomi, keusahawanan, modal insan, infrastruktur serta kesejahteraan sosial mesti digerakkan secara bersepadu dalam satu kerangka yang saling menguatkan antara satu sama lain.

7. Dalam kerangka ini, RISDA memainkan peranan yang sangat penting dalam **memperkasa lebih 508 ribu pekebun kecil getah.** Peranannya bukan sekadar membangunkan sektor komoditi, tetapi juga membela nasib pekebun kecil, meningkatkan keupayaan ekonomi mereka dan memastikan komuniti ini terus relevan dalam arus pembangunan negara.

8. Namun, kita tidak boleh menafikan realiti hari ini. Ketidaktentuan ekonomi global, turun naik harga komoditi serta peningkatan kos sara hidup menuntut kita untuk keluar daripada kebergantungan kepada satu sumber pendapatan sahaja.

9. Sehubungan itu, peningkatan ekonomi desa mesti menjadi *way forward* yang lebih strategik. Agenda keusahawanan, pemasaran, agromakanan dan peluang ekonomi baharu mesti diperkukuh supaya pekebun kecil mempunyai sumber pendapatan yang lebih pelbagai dan mampan.

10. Kita mahu melihat pekebun kecil bukan sekadar mengusahakan tanah, tetapi turut mencipta nilai tambah, menceburi bidang keusahawanan dan membina kehidupan keluarga yang lebih terjamin.

11. Penyertaan mereka dalam ekosistem ekonomi RISDA perlu diperluas bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan isi rumah dan mewujudkan mobiliti sosioekonomi yang lebih bermakna.

12. Justeru, melalui rangkaian RisSMart ini, kita berpotensi membentuk komuniti pekebun kecil moden yang terlibat dalam aktiviti hiliran, peruncitan dan juga perkhidmatan.

EKONOMI DESA BAHARU

Hadirin sekalian,

13. Dalam konteks inilah kita rangka **Agenda Ekonomi Desa Nasional** - satu pendekatan yang menuntut kita melihat pembangunan desa dengan perspektif yang lebih luas dan lebih strategik.

14. Desa tidak boleh lagi dilihat sekadar sebagai kawasan pengeluaran atau penerima program pembangunan semata-mata. Sebaliknya, desa mesti diangkat sebagai ruang pertumbuhan ekonomi yang aktif, produktif dan bersepadu.

15. Ini bermaksud ekonomi desa perlu dibangunkan melalui rantaian nilai yang lengkap — **daripada pengeluaran, pemprosesan, pembungkusan, penjenamaan, pemasaran, logistik, pendigitalan, sehinggalah kepada akses pasaran.**

16. Hanya dengan pendekatan menyeluruh seperti ini, kita dapat benar-benar merakyatkan ekonomi desa dan memastikan manfaatnya sampai kepada rakyat di bawah.

MENGANGKAT DESA SEBAGAI ENJIN EKONOMI BERSEPADU

Hadirin sekalian,

17. Selaras dengan aspirasi ini, RISDA telah melakar satu langkah yang amat signifikan melalui **Pelan Strategik RisSMart 2030**. Bagi saya, pelan ini bukan sekadar sebuah dokumen perancangan.

18. Lebih daripada itu, pelan ini menggambarkan kerangka tindakan RISDA terhadap inisiatif ***game changer*** yang disasarkan, dengan meletakkan RisSMart sebagai pemangkin strategik dalam memperluas pasaran produk desa dan memperkasa ekonomi luar bandar secara lebih inklusif, lebih tersusun dan lebih berimpak tinggi.

19. Yang menariknya, saya melihat RisSMart tidak dibangunkan sekadar sebagai saluran jualan biasa. Sebaliknya, RisSMart dibina sebagai sebuah ekosistem peruncitan dan hab pemasaran yang lebih holistik. Ertinya, yang dibangunkan bukan hanya outlet, tetapi keseluruhan rantaian nilai yang membantu usahawan desa bergerak daripada pengeluaran kecil kepada pengkomersialan yang lebih mampan.

20. Pendekatannya juga sangat jelas. Pertama, kita mahu **membangunkan usahawan dan produk,** supaya lebih ramai usahawan desa dapat diperkasa dari segi kapasiti,

kualiti, nilai tambah, pematuhan piawaian dan keyakinan pasaran.

21. Kedua, **kita mahu mengukuhkan jenama,** supaya produk desa tampil dengan identiti yang lebih tersusun, lebih meyakinkan dan lebih bernilai.

22. Dan ketiga, **kita mahu memperluas pemasaran secara bersepadu** dengan sokongan teknologi, data, logistik dan pendigitalan, agar ekonomi desa tidak tertinggal dalam arus perubahan semasa.

23. Inilah anjakan yang selalu saya tekankan. Kita tidak mahu produk desa terus berada di pinggir pasaran. Kita mahu produk ini memasuki gelanggang sebenar, tampil dengan standard yang baik, imej yang kukuh, nilai komersial yang lebih tinggi, dan keupayaan untuk bersaing dengan lebih yakin.

24. Dan saya mahu melihat RISDA benar-benar mampu merealisasikan sasaran yang telah digariskan melalui pelan strategik ini, termasuk **mencapai nilai jualan keseluruhan usahawan bimbingannya sebanyak RM30 juta menjelang penghujung tahun 2030 nanti.**

RISSMART SEBAGAI RANTAIAN NIAGA STRATEGIK WARGA DESA

25. Oleh itu, Perasmian RisSMart Grocer ini adalah manifestasi kepada agenda besar kita. Ia bukan sekadar pasar raya moden, tetapi platform yang menghimpunkan keperluan harian, produk segar serta produk usahawan desa dalam satu ekosistem peruncitan yang lebih tersusun dan dekat dengan rakyat.

26. Lebih penting, pendekatan ini membantu memendekkan rantaian pasaran, memperkemas hubungan antara pengeluar dan pengguna, serta mewujudkan sistem yang lebih cekap, adil dan mampan. Inilah roh sebenar kepada agenda ekonomi desa nasional yang kita bawa.

27. Yang sedang kita bina ini bukan sekadar ruang membeli-belah. Yang sedang kita bangunkan ialah keyakinan baharu bahawa **produk desa mampu berdiri sama tinggi dalam ekosistem peruncitan moden.**

28. Dalam menjayakan agenda ini, semua agensi di bawah KKDW tidak boleh bergerak secara bersendirian. Sudah sampai masanya kita memperkukuh kolaborasi - memadu kekuatan, berkongsi ekosistem dan membuka lebih banyak ruang pasaran untuk usahawan desa.

29. Saya melihat RisSMart berpotensi berkembang sebagai satu rangkaian niaga strategik yang dimanfaatkan bersama oleh seluruh keluarga besar KKDW.

30. Produk usahawan di bawah pelbagai agensi dan lembaga kemajuan wilayah perlu menjadi sebahagian daripada ekosistem jenama RisSMart - selaras dengan standard dan keperluan pasaran.

31. Kita tidak boleh lagi bergerak secara silo. Kita mesti bergerak sebagai satu sistem dalam membangunkan warga desa.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

32. Jika seluruh usaha ini dilaksanakan dengan tekad, kecekapan dan semangat kolaborasi yang tinggi, saya yakin RisSMart mampu menjadi model terbaik dalam memperkukuh ekosistem ekonomi desa negara.

33. Bukan sahaja untuk RISDA, tetapi sebagai rujukan kepada bagaimana pembangunan desa boleh digerakkan secara lebih tersusun, lebih strategik dan memberikan lebih manfaat kepada warga desa.

34. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada RISDA, para usahawan pekebun kecil, pembekal, rakan strategik RISDA dan semua pihak berkepentingan yang telah menjayakan inisiatif ini.

35. Semoga RisSMart Grocer menjadi titik tolak kepada pengembangan ekosistem ekonomi desa yang lebih luas, lebih kukuh dan lebih bermakna untuk rakyat.

36. Dengan lafaz suci ***Bismillahir rahmanir rahim***, saya dengan ini menyempurnakan **Majlis Perasmian RisSMart Grocer RISDA.**

Sekian,
Wabillahi Taufiq Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.